


PBD Sejarah T.3 Bab 8.3 Usaha Pembesar Melayu Dalam Pemodenan Negeri

Nama :

Kelas :

Tarikh :

Padan-memadankan gambar tokoh dengan pernyataan untuk mewajarkan sumbangan pembesar Melayu berkaitan dalam pemodenan negeri-negeri Melayu.

Pembesar Melayu	Usaha Pemodenan Negeri Melayu
1.  Dato' Muhammad Salleh bin Perang (Dato' Bentara Luar),	A. * membawa kemajuan di Larut, Perak * memperkenalkan negeri Melayu dipasaran dunia sebagai pengeluar utama bijih timah. * menggalakan pusat pengajian agama * membina sekolah Melayu Matang (1826) untuk memberi pendidikan anak tempatan.
2.  Dato Muhammad Ibrahim Munsyi, bergelar Dato' Bentara Dalam, Ketua Jabatan Pelajaran Johor yang pertama (1883). Beliau digelar "Bapa Pendidikan Melayu Johor".	B. * Ketua anak negeri yang membantu Pegawai Daerah dalam hal pentadbiran (menjaga keamanan , mengutip cukai , hal pembahagian tanah, memajukan pertanian) * menjadi hakim di Mahkamah Anak Negeri yang mengendalikan kes berkaitan dengan hukum adat dan syariah.
3.  Haji Mohammad Arshad, Ketua Anak Negeri semasa pentadbiran Syarikat Borneo Utara British.	C. * dilantik sebagai ahli Majlis Mesyuarat Persekutuan. * menuntut pembentukan Rejimen Askar Melayu untuk menjaga keselamatan bangsa. * mendesak British membuka lebih banyak peluang dalam perkhidmatan awam kepada orang Melayu.
4.  Dato' Abdullah Haji Dahan, Undang Luak Rembau ke-18 (1922-1938).  Raja Chulan, Raja Di Hilir Perak (1920-1933).	D. * menggalakkan pendidikan moden melalui penubuhan Jabatan Pelajaran (1883) dan sekolah-sekolah di Johor. * membentuk Jawatankuasa Pelajaran Negeri yang terdiri daripada tokoh birikrat , agama dan masyarakat. * mendesak diwartakan pendidikan wajib kepada kanak-kanak di Johor.
5.  POTRET: LONG JAAFAR	E. * melukis peta lengkap pertama bagi Johor dan ia memudahkan pembangunan pertanian ,perbandaran dan sistem perhubungan . * pengasas pembukaan Bandar Maharani (Muar), Endau dan Bandar Penggaram (Batu Pahat).

Pembesar Melayu	
6.	 Tengku Menteri Ngah Ibrahim
7.	 Datuk Hakim Imam Abang Haji Murshidi (1877-1939).
8.	 Dato' Abdul Rahman bin Andak, Setiausaha Sulit Sultan (1885), Setiausaha Kerajaan Johor (1893-1909) bergelar Dato' Seri Amar Diraja.
9.	 Wan Muhammad Saman Perdana Menteri Kedah (1870-1898).
10.	 Dato' Jaafar bin Muhammad

Usaha Pemodenan Negeri Melayu
F. * mengawal hubungan Johor dengan British , bijak dalam diplomasi * berjaya mematahkan usaha peluasan kuasa British dengan kebijaksanaannya. * perintis penubuhan Pakatan Belajar Mengajar Pengetahuan Bahasa (1888) yang merupakan badan persuratan terulung ketika itu.
G. * digelar sebagai “ Tokoh Pembangunan Kedah” kerana mencetuskan idea membina terusan yang bermula dari Alor Setar ke Gunung Jerai, Gurun. * Terusan tersebut dinamakan “ Terusan Wan Muhammad Saman”
H. * menemui Sultan Abu Bakar Johor untuk mempelajari sistem pentadbiran moden agar memaju daerah Larut.
I. * mengarahkan bendera British, Jack Union dikibarkan lebih rendah daripada bendera negeri Johor. * memartabatkan bahasa Melayu dengan menetapkan penggunaan bahasa Melayu dalam penulisan surat rasmi kerajaan. * mewajibkan pegawai British di kerajaan Johor memakai pakaian rasmi kerajaan Johor * usaha berkenaan telah mempertahankan kedaulatan negeri
J. * menguruskan hal ehwal umat Islam di Sarawak. * memulakan pengajian Islam formal melalui penubuhan Madrasah al- Murshidiyyah (Kuching) pada awal abad ke -20 * menubuhkan sekolah agama khas untuk kaum wanita (Sekolah Kajang) * pengasas Majlis Syuyukh Islam yang kemudian dikenali sebagai Majlis Islam Sarawak.